

PERCUMA



مجلس أئمة إسلام  
دائرة عادات ملايو فيراق

MAIPK

EDISI KETIGA 2017 BIL. KE-25

# MANFAAT AGIHAN WAKAF SARAAN KUBUR



ASNAF DIBANTU MENJANA  
PENDAPATAN DARI RUMAH

MEMBUDAYAKAN  
WPAR ILMU - MUMTAZ





# TAHNAH DIUCAPKAN KEPADA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK TELAH MEMENANGI ANUGERAH SEMPENA SAMBUTAN BULAN ZAKAT KEBANGSAAN TAHUN 2017

## INOVASI TERBAIK AGIHAN ZAKAT MALAYSIA

(Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak)

## IKON ASNAF KATEGORI AKADEMIK

(Dr. Ahmad Husni Bin Haji Hasan - Pensyarah Kanan Universiti Sultan Azlan Shah)

## IKON ASNAF KATEGORI USAHAWAN

(Cik Nurhayati Binti Abdullah, Muallaf MAIPK - Usahawan Dobi)

Oleh : Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri



### SIDANG REDAKSI

- Penasihat**  
YBHG. DATO' DR. AMIRUDDIN BIN MUHAMED
- Ketua Editor**  
EN. WAN ABDUL HALIM HAFIDZ BIN MOHD AMIN
- Editor**  
EN. MOHD YAKOP BIN IKRAM
- Jurufoto**  
EN. MOHAMAD RAZIF BIN RAZALI  
EN. AMIRULKHALID BIN AHMAD
- Edaran**  
UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT

### KANDUNGAN

- |                  |      |
|------------------|------|
| EDITORIAL        | 2    |
| SEMASA           | 3-14 |
| BERITA SANA SINI | 15   |

Diterbitkan Oleh :  
Unit Perhubungan Korporat  
Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak  
Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan  
30000 Ipoh, Perak.  
TEL : 05-2084000 FAKS : 05-2412457

LAMAN WEB : [www.maiamp.gov.my](http://www.maiamp.gov.my)  
<https://wakafperak.gov.my>  
EMEL : [korporat@maiamp.gov.my](mailto:korporat@maiamp.gov.my)  
FACEBOOK : Zakat Perak - MAIPK



## UEM DAN MAIPK BEKERJASAMA BANTU ANAK ASNAF MENGIKUTI LATIHAN KEMAHIRAN

**IPOH** - UEM Group Berhad (UEM Group) bekerjasama dengan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) dengan membiayai 15 pelajar dalam kalangan asnaf di negeri Perak untuk menjalani latihan Kimpalan Arka 6G. Latihan tersebut dijalankan selama enam bulan di Pusat Pembangunan Usahawan dan Kemahiran Perak (PESDC) yang melibatkan kos sebanyak RM210,000.00. Pada tahun 2017, MAIPK telah membiayai sebanyak RM1.702 juta yang melibatkan tujuh kursus latihan kemahiran berimpak tinggi kepada para peserta dalam membantu menyediakan peluang pekerjaan setelah tamat tempoh latihan. Majlis menandatangani perjanjian di antara UEM Group dengan MAIPK telah diadakan pada 29 September 2017 di Kompleks Islam Darul Ridzuan.



Bil.	Program Latihan	Bilangan Pelajar (org)
1.	Kursus Pengendalian Jentera Berat (Mobile Crane & Excavator)	23
2.	Kursus Kimpalan Arka 6G & 6GR	20
3.	Kursus Penilaian Hasil Kimpalan (Non-Destructive Testing)	20
4.	Kursus Pembuatan Pastrri	25
5.	Kursus Hiasan Dalaman (Binaan)	10
6.	Kursus Scaffolding	16
7.	Kursus Memandu (Lesen Lori)	10
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>124</b>



## SAMBUTAN PERSIDANGAN MAIPK BAGI KALI KE - 200

**IPOH** - Yang Dipertua MAIPK, YABhg. Tan Sri Dato' Dr. Wan Mohd Zahid Bin Mohd Noordin bersama-sama YABhg. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Bin Haji Zakaria, Mufti Negeri Perak telah memotong pulut kuning sebagai simbolik sambutan Persidangan Majlis MAIPK Kali Ke-200. Sambutan tersebut telah berlangsung pada 19 September 2017 di Dewan Persidangan Tingkat 5, Kompleks Islam Darul Ridzuan. Selepas acara tersebut, Persidangan MAIPK Kali Ke-200 diteruskan yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua MAIPK.





## SISTEM AKUAPONIK BANTU ASNAF JANA PENDAPATAN DARI RUMAH

**TELUK INTAN** - Pada 25 September 2017 satu Majlis Penyerahan Sistem Akuaponik telah diadakan oleh MAIPK dengan kerjasama Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (SEKATA Rakyat) di Kampung Alor Bakong, Langkap. SEKATA Rakyat telah menyumbang dana sebanyak RM100,000.00 bagi Program Pemerksaan Asnaf dalam usaha meningkatkan pendapatan golongan asnaf melalui perniagaan di rumah. Seramai 20 orang asnaf telah dipilih dan dibantu dengan kelengkapan sistem akuaponik yang memberi peluang kepada mereka untuk menternak ikan dan tanaman kangkung. Sebelum ini, pihak MAIPK telah menjalankan projek sistem akuaponik ini kepada 6 orang peserta MAIPK dengan dana daripada pihak MAIPK sebanyak RM21,500.00. Keberhasilan projek yang terdahulu telah mendapat perhatian pihak SEKATA Rakyat untuk turut membantu asnaf di negeri Perak dalam bidang yang sama. Majlis penyerahan telah disempurnakan oleh Pengerusi SEKATA Rakyat, Datuk Mohd Arsad yang disaksikan bersama oleh Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat MAIPK, Ustaz Bakri Lee dan Pegawai Baitulmal Daerah Teluk Intan, Encik Zul-Azri Hosaini.



## KIOSK 'SHAKE SHAKE MANGGO' BANTU JANA PENDAPATAN ASNAF MAIPK

**MERU** - MAIPK telah mengadakan satu Majlis Pelancaran Kiosk "Shake Shake Mango" di bulatan Amanjaya pada 11 September 2017 bersempena program *Pangkor Dialogue 2017*. "Mango Shake Kiosk" (Program Usahawan Foodstall) merupakan satu jenis perniagaan kecil yang beroperasi di jalanan, tempat tumpuan awam, expo dan karnival. Konsep perniagaan ini adalah mudah alih, mudah urus, trend terkini dan menggunakan peralatan perniagaan yang minima.

Program ini merupakan salah satu usaha MAIPK mewujudkan bentuk perniagaan kepada Asnaf yang mempunyai kaedah yang tersendiri, mudah serta menjamin pulangan yang lumayan agar dapat menjana pendapatan walaupun hanya di jalanan. Program ini melibatkan seramai 10 orang asnaf Miskin dan pemilihan ditapis mengikut Had Kifayah dan juga semangat mereka untuk meningkatkan taraf ekonomi serta pendapatan mereka.



Program ini melibatkan kos sebanyak RM68,000.00 dan asnaf menerima bantuan berbentuk pakej iaitu peralatan, bahan mentah dan latihan. Secara keseluruhan, Program Pemerksaan Ekonomi Asnaf (PROPER A) MAIPK telah memperuntukkan sebanyak RM700 ribu bagi pelaksanaan beberapa program dalam usaha membantu asnaf menjana pendapatan mereka. MAIPK mengharapkan usahawan-usahawan asnaf ini terus berusaha dan tidak mudah mengalah serta tidak putus asa dalam membangunkan sosio ekonomi mereka.



## USAHAWAN MAIPK DIDEDAHKAN ILMU PERNIAGAAN

**IPOH** - Bertempat di Dewan Al-Ghazali, Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 23 Julai 2017, seramai 110 orang peserta telah terlibat dalam Seminar *Independent Asnaf* anjuran Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK). Peserta-peserta ini terdiri daripada penerima Skim Bantuan Modal tahun 2016. Objektif program ini adalah memberi motivasi untuk menjadi usahawan yang berdaya saing serta mendapatkan maklum balas mengenai bantuan modal yang telah diberikan. Selain itu, Puan Fara Laiqa, sebagai perunding dalam seminar ini juga telah mendedahkan para peserta dengan pelbagai ilmu dan strategi perniagaan. Diharapkan melalui program ini, para peserta yang juga penerima bantuan modal MAIPK dapat memanfaatkan ilmu dan motivasi yang diperoleh untuk mengembangkan dan memajukan lagi perniagaan mereka.



## SEMINAR RESET MINDA ASNAF



**KAMPAR** - Pada 25 Ogos 2017 Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) Daerah Kampar yang diketuai oleh Pegawai Baitulmal Daerah, Encik Noraizad Bin Rosli, telah menganjurkan Seminar Reset Minda Asnaf. Seminar tersebut telah dijalankan di Dewan SMK Kampar dengan dihadiri 200 orang golongan asnaf. Seminar ini diadakan bertujuan untuk menerap pengetahuan bagi meningkatkan semangat dan motivasi diri kepada para asnaf. Seminar ini telah dirasmikan oleh YDH. Toh Sedewa Raja Dato' Haji Abdul Talib Bin Abd. Fahmi, Orang Besar Jajahan Kampar. Selepas seminar dirasmikan, acara diteruskan dengan perkongsian motivasi diri dan keluarga daripada AF Ustaz Mohd Latiff Bin Talib, Pengurus Unit Dakwah dan Amil MAIPK. Program diakhiri dengan pihak MAIPK memberi sumbangan kepada hadirin.





## ZIARAH ASNAF SEMENA PROGRAM PEMUKIMAN MENTERI BESAR PERAK DI DAERAH BATANG PADANG

**BATANG PADANG** - Pehkhidmat Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) bersama-sama dengan pekhidmat MAIPk Daerah Kampar dan Tapah terlibat dengan Program Pemukiman Menteri Besar Negeri Perak di Daerah Batang Padang dan Kampar pada 26 hingga 30 September 2017. Pihak MAIPk yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBhg. Dato' Dr. Amiruddin Bin Muhamed telah menyertai beberapa program antaranya ialah program ziarah saudara baru yang menyantuni keluarga asnaf fakir miskin dan muallaf. Melalui program ziarah kasih ini juga pihak MAIPk bersama pemimpin masyarakat akan sentiasa mengenalpasti bentuk bantuan dan sokongan yang boleh diberikan serta menjadi salah satu cara merapatkan hubungan antara insituti-institusi agama dengan masyarakat Islam di negeri ini. Pegawai Baitulmal Daerah Kampar, Noraizad Bin Rosli dan Pegawai Baitulmal Daerah Tapah, Hamdi Bin Othman turut serta dalam program ini dengan membantu menyampaikan bantuan kepada golongan asnaf-asnaf tersebut



## PEMUKIMAN MB DAERAH MUALLIM

**MUALLIM** - Sempena Program Pemukiman MB di Daerah Muallim pada 18 hingga 22 Julai 2017, pihak MAIPk turut serta terlibat dalam beberapa program antaranya menyantuni saudara baru dan menziarahi masyarakat Orang Asli. Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam, Pendidikan Islam dan Pembangunan Sahsiyah Negeri Perak, YB. Dato' Drs. Mohd. Nizar Bin Haji Zakaria turut bersama dalam menyantuni para asnaf tersebut. Rumah yang diziarahi adalah mereka yang dikenalpasti kedhaifannya dan perlu dibantu, di samping pihak MAIPk mengemas kini maklumat keluarga daripada ziarah tersebut. Selain daripada itu, YAB Menteri Besar Perak Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry Bin Abd Kadir turut meluangkan masa melawat ladang kelapa sawit MAIPk di Sungkai. Turut hadir dalam lawatan tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBhg. Dato' Dr. Amiruddin Bin Muhamed.





## MAIPK BERSAMA JAYAKAN PERAK FESTIVAL OF IDEAS

**MERU** - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) menyertai *Perak Festival of Ideas* di Bulatan Amanjaya pada 07 hingga 12 September 2017. Festival ini diadakan bagi mempromosikan Perak sebagai negeri yang berasaskan pengetahuan sempena dengan program *Pangkor Dialogue Development 2017*. Sepanjang berlangsungnya festival ini, dianggarkan 200,000 orang pengunjung yang hadir dan sebanyak 30 acara dijalankan di sekitar Ipoh dengan meliputi pelbagai bidang seperti keusahawan, pendidikan, kesenian dan kebudayaan. Bahagian Pemasaran dan Pungutan Hasil MAIPK, turut menyertai acara ini dengan membuka kaunter pameran dan kaunter bergerak bagi mempromosikan zakat dan wakaf, seterusnya meningkatkan kesedaran tentang kewajipan berzakat serta kebaikan berwakaf. Selain itu, satu Forum Perdana juga telah dianjurkan bertajuk Peranan Zakat dan Wakaf dalam Pembangunan Ummah dengan panel jemputan PU Yeop (moderator), Ustaz Azhar Latif dan Dr. Mohammad Hakimi Mohd Shafai.



## PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN GAS MALAYSIA BERHAD

**IPOH** - Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan Gas Malaysia Berhad telah berlangsung di Bilik Persidangan Tingkat 5, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) pada 14 Julai 2017. Di dalam majlis ini pihak Gas Malaysia Berhad yang diwakili oleh Encik Hashimi Abdul Manap, Ketua Pegawai Eksekutif Gas Malaysia Berhad menyerahkan cek zakat perniagaan bagi tahun 2016 berjumlah RM193,000.00. Cek zakat ini diserahkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, YBhg. Dato' Dr. Amiruddin Bin Muhamed. Turut hadir menyaksikan majlis tersebut ialah Encik Shahrel Amir, *Deputy General Manager Gas Network & Infrastructure*, Tuan Haji Mohd Haidi Sulaiman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK (Pengurusan), Encik Ahmad Nazim Md. Tajuri, Pengurus Besar Bahagian Pemasaran dan pegawai-pegawai MAIPK. Semoga dengan penyerahan cek zakat perniagaan ini organisasi dan perniagaan Gas Malaysia Berhad terus berkembang maju serta nasib golongan asnaf akan terus terbela.





## PERANAN MAIPK DALAM MEMBANTU GOLONGAN ASNAF

MAIPK pada kali ini meneruskan program Jejak Asnaf untuk menyampaikan bantuan zakat secara terus kepada golongan asnaf. Program ini penting kepada MAIPK kerana secara langsung dapat melihat perkembangan kehidupan keluarga asnaf dan juga dapat mengeratkan siraturahim di antara MAIPK dengan golongan asnaf. Selain itu, program jejak asnaf ini dapat mendedahkan kepada masyarakat tentang iltizam serta peranan MAIPK sebagai sebuah institusi agama yang membantu masyarakat Islam di Negeri Perak.



Batu Gajah 11 Julai 2017



KPE MAIPK YBhg. Dato' Dr. Amiruddin Bin Muhamed mengetuai program jejak asnaf di daerah Batu Gajah. Sebanyak 11 buah rumah di sekitar daerah Batu Gajah telah diziarahi. Turut serta Pegawai Baitulmal Daerah Batu Gajah, Encik Ahmad Fadzil Bin Mustaffa.



Seri Iskandar 18 Julai 2017



Timbalan KPE (Pengurusan) MAIPK, Tuan Haji Mohd Haidi Bin Sulaiman mengetuai rombongan jejak asnaf di sekitar daerah Seri Iskandar dengan disertai oleh Pegawai Baitulmal Daerah Seri Iskandar, Encik Johar Bin Zainal Abidin. Sebanyak 11 buah rumah telah disantuni pada program tersebut.



Kampong Gajah 20 Julai 2017



Sebanyak 12 buah rumah dikunjungi oleh Timbalan KPE (Pengurusan) MAIPK bersama-sama Pegawai Baitulmal Daerah Kampong Gajah, Encik Muhammad Faiz Bin Zakaria di sekitar Kampong Gajah.



Lenggong 07 Ogos 2017



Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat MAIPK Ustaz Bakri Bin Lee mengetuai program jejak asnaf di sekitar daerah Lenggong dengan sebanyak 6 buah keluarga disantuni pada program tersebut. Turut serta Pegawai Baitulmal Daerah Lenggong, Encik Mohd Azwari Bin Mohd Izroi dan Pengurus Pembangunan Asnaf, Ustaz Ahamad Muzammil Bin Arbain



Pengkalan Hulu 21 Ogos 2017



Pengurus Pembangunan Asnaf dan Pegawai Baitulmal Daerah Pengkalan Hulu, Encik Fairuz Bin Zahri menziarahi 5 buah keluarga di sekitar daerah Pengkalan Hulu.





Gerik 22 Ogos 2017

Sebanyak 4 buah keluarga disantuni oleh Pengurus Pembangunan Asnaf dan Pegawai Baitulmal Daerah Gerik, Encik Amirudin Bin Osman di sekitar daerah Gerik.



Kampar 29 Ogos 2017

Program jaulah asnaf di Kampar telah diketuai oleh OBJ Kampar, YDH Toh Sedewa Raja Datuk Abdul Talib Bin Abd. Fahmi. Sebanyak 11 buah keluarga telah disantuni dengan pelbagai jenis bantuan telah diserahkan pada program tersebut. Turut serta Pegawai Baitulmal Daerah Kampar, Encik Noraizad Bin Rosli.



Taiping 05 September 2017

KPE MAIPk YBhg. Dato' Dr. Amiruddin Bin Muhamed mengetuai program jejak asnaf di daerah Taiping dengan menziarahi sebanyak 14 buah rumah di sekitar daerah Taiping. Turut serta Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, dan Pegawai Baitulmal Daerah Taiping, Ustaz S. Daud Bin Shehamy.



Selama 12 September 2017

Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat bersama-sama Pegawai Baitulmal Daerah Selama, Encik Muhammad Naquib Bin Mohamad Tarmizi meyantuni 9 keluarga di sekitar daerah Selama.



Manjung 28 September 2017

OBJ Manjung, YDH Toh Seri Bijaya Lt. Kol. (B) Dato' Shaharudin Bin Hj. Nazari bersama-sama bersama-sama Pegawai Baitulmal Daerah Manjung, Mohamad Hafiz Bin Mohamad Nor mengetuai rombongan jejak asnaf di sekitar Daerah Manjung. Sebanyak 10 buah keluarga telah dikunjungi pada program tersebut.





## KURSUS PENGENDALIAN DRONE PROFESIONAL

**TANJUNG MALIM** - MAIPK Bahagian Mal dan Wakaf telah menganjurkan Kursus Pengendalian Drone Profesional Fasa 1 dan Pengumpulan Data Atribut Tanah di Teratak River View pada 11 hingga 13 September 2017. Bengkel ini dihadiri oleh 16 orang peserta dari MAIPK Ibu Pejabat dan MAIPK Daerah Muallim. Para peserta dalam kursus ini didedahkan teori dan praktikal yang sebenar dalam pengendalian drone. Hal ini akan menambah baik kemahiran peserta yang terlibat dalam kursus berkenaan kerja-kerja penghasilan video untuk dipersembahkan bagi pelbagai perkara rasmi MAIPK pada masa akan datang.



## MAIPK DI OPS BELANTARA DAERAH MUALLIM

**MUALLIM** - Bertarikh 9 Ogos sehingga 11 Ogos 2017, satu operasi yang dinamakan OPS Belantara telah diadakan di daerah Muallim. Program ini diadakan bertujuan untuk mengesan tanah-tanah baitulmal dan wakaf milik MAIPK yang masih belum diketahui lokasi sebenar. Operasi yang mensasarkan 11 lot tanah telah didokumentasikan yang mana lokasi di atas pelan adalah di kawasan hutan belantara. Sejarar dengan objektif program ini untuk melengkapkan 11 lot ini dicapai dengan sepenuhnya. Bagi hari pertama, dengan kekuatan 4 buah jentera motorsikal kawasaki dan 6 orang peserta dari Bahagian Mal dan Wakaf, operasi berjaya mengesan 4 lot sahaja. Laluan yang begitu mencabar hampir membuatkan team operasi kecewa. Namun, berkat semangat kesepunyaan yang wujud maka direntasi segala hutan banat yang ada sehingga bertemunya 4 lot yang pertama. Operasi selesai tepat jam 6.45 petang.





## MAJLIS AGIHAN WAKAF SARAAN KUBUR

**IPOH** - Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, YBhg. Dato' Dr. Amiruddin Bin Muhamed menyempurnakan Majlis Penyerahan Agihan Wakaf Saraan Kubur kepada penerima manfaat bertempat di Dewan Persidangan Tingkat 5, Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 18 September 2017. KPE MAIPK memaklumkan agihan-agihan wakaf saraan kubur ini melibatkan 8 penerima manfaat dengan jumlah keseluruhan agihan berjumlah RM75,896.69. Penerima-penerima manfaat ini adalah merupakan Jawatankuasa Pengurusan Kubur yang telah dilantik oleh Jawatankuasa Kariah kawasan terlibat.

Turut dimaklumkan bahawa, hasil wakaf saraan ini didapati daripada hasil sewaan tanah-tanah wakaf kubur yang diusahakan oleh pelbagai pihak. Hasil-hasil ini diagihkan semula kepada penerima-penerima manfaat wakaf tersebut. Antara aktiviti yang dilakukan di atas tanah-tanah tersebut ialah perniagaan kedai runcit, sewaan tapak menara telekomunikasi serta sektor pertanian dan perladangan. Antara keistimewaan wakaf saraan / tapak perkuburan ini adalah apa-apa hasil darinya hendaklah digunakan untuk tujuan urusan tanah perkuburan ini sahaja. Oleh itu, pihak Jawatankuasa Perkuburan perlu bertanggungjawab dalam mengawal selia pengurusan kewangan tanah perkuburan ini.

Melihat kepada majlis yang berlangsung pada hari ini, telah menunjukkan salah satu objektif utama ibadah wakaf telah dilaksanakan dengan jayanya iaitu dengan berwakaf segala manfaat dan keuntungan hasil dari aktiviti-aktiviti ekonomi yang dijalankan dapat diagihkan semula untuk kebajikan umat Islam.

AGIHAN WAKAF SARAAN BAGI TAHUN 2017



AGIHAN	JANUARI (RM)	APRIL (RM)	JULAI (RM)	JUMLAH
<b>INFO</b>	<b>56,099.20</b> (20 penerima)	<b>91,474.52</b> (24 penerima)	<b>112,187.06</b> (25 penerima)	259,760.78 (69 penerima)
<b>SURAU</b>	<b>28,440.00</b> (10 penerima)	<b>59,400.00</b> (14 penerima)	<b>71,550.00</b> (16 penerima)	159,390.00 (40 penerima)
<b>KUBUR</b>	<b>23,835.04</b> (5 penerima)	<b>8,280.78</b> (4 penerima)	<b>75,896.69</b> (8 penerima)	108,012.51 (17 penerima)
<b>INSTITUSI PENDIDIKAN</b>	<b>24,502.15</b> (9 penerima)	<b>28,300.40</b> (8 penerima)	<b>108,487.77</b> (18 penerima)	161,290.32 (35 penerima)
<b>JUMLAH</b>	<b>132,876.39</b> (44 penerima)	<b>187,455.70</b> (50 penerima)	<b>368,121.52</b> (67 penerima)	688,453.61 (161 penerima)



## WAKAF ILMU – MUMTAZ “CREATIVITY IN MATHEMATICS EDUCATION”

**IPOH** - Komitmen berterusan daripada Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) dalam meneruskan aktiviti di bawah Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR) menunjukkan kesungguhan MAIPK bagi menterjemahkan falsafah wakaf di Negeri Perak. Pada 21 hingga 22 Ogos 2017, seramai 60 orang peserta di kalangan Guru Matematik Tingkatan Satu Sekolah-sekolah Daerah Kinta telah menyertai Kursus “Creativity in Mathematics Education” yang dianjurkan di bawah Wakaf Ilmu Program Mumtaz, Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR) bertempat di Hotel Seri Malaysia. Bagi program kali ini, MAIPK telah menjalinkan kerjasama dengan Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Utara dan Bahagian Pendidikan, JAIPK. Program ini dikendalikan oleh Pakar Matematik yang terkenal, Puan Teoh Poh Yew daripada Creative Wizard Sdn. Bhd. dan ianya merupakan program MUMTAZ pertama yang melibatkan penyertaan di kalangan tenaga pengajar.

Kursus “Creativity in Mathematics Education” ini bermatlamat memberi pendedahan kepada guru-guru berkaitan kaedah pengajaran matapelajaran Matematik yang lebih kreatif untuk menarik minat pelajar terhadap matapelajaran tersebut bersesuaian dengan abad ke-21 ini di mana para guru ditugaskan untuk mendidik dan mengajar murid mengenai Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan juga cara untuk berfikir secara kreatif dan kritis. Majlis penutup telah disempurnakan oleh Puan Hajah Wan Maizura Binti Hj Wan Zahari, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), MAIPK. Turut hadir ialah Penolong Pegawai Pendidikan Daerah, Tuan Haji Abdul Aziz Bin Mat Jais, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK), Ust Ahmad Munawir Bin Sallehuddin dan Pegawai-Pegawai MAIPK.





## I-SYURA SISTEM PINTAR MAIPK

Penyertaan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) dalam Anugerah Inovasi Menteri Besar bagi tahun penilaian 2016 adalah dengan mengenengahkan suatu produk inovasi menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi menguruskan agihan zakat. Inovasi ini menyatukan keseluruhan tiga (3) operasi utama dalam proses agihan zakat iaitu pendaftaran dan siasatan, pertimbangan dan pembayaran kepada satu sistem yang dinamakan Sistem Pintar Pengurusan Agihan Zakat (I-Syura). Objektif utama pembangunan Sistem I-syura adalah untuk memastikan pengurusan agihan zakat dapat dilaksanakan dengan lancar, mengelakkan keciciran permohonan bantuan zakat dan mempercepatkan proses agihan zakat.

Sistem I-syura dibangunkan daripada gabungan dua (2) sistem iaitu sistem e-agihan (sistem maklumat pemohon bantuan zakat) dan e-syura (sistem mesyuarat agihan zakat) menggunakan proses standard bagi pembangunan sesuatu sistem iaitu System Development Life Cycle (SDLC), Iterative Development Model dan menggunakan Teknik Prototyping bagi memudahkan pengguna memahami penggunaan sistem secara ringkas. Sistem ini juga dibangunkan menerusi gabungan kerja antara Kumpulan Pembangunan Sistem dan Pembekal yang dilantik. Maka ia dikategorikan sebagai konsep inhouse dan outsource secara serentak. Pembangunan sistem ini dengan penglibatan serentak konsep "inhouse" dan "outsource" hanya.




Kumpulan sasar bagi projek ini bukan sahaja kepada keseluruhan pegawai dan pekhidmat yang terlibat di bahagian pengagihan zakat, malah melibatkan semua bahagian di MAIPK kerana kelulusan sebarang perbelanjaan menggunakan peruntukan amil (perbelanjaan pengoperasian) adalah menerusi kelulusan Jawatankuasa Baitulmal yang juga perlu menggunakan sistem I-syura. Maka, latihan telah diberikan kepada semua pegawai dan pekhidmat secara berperingkat sebelum penggunaan penuh sistem ini pada Januari 2016 yang lalu.

## WAKAF BOT

Industri perikanan ialah kegiatan komersil yang selalunya bertujuan membekalkan ikan dan makanan laut lain untuk kegunaan manusia atau sebagai bahan mentah industri lain. Perikanan ataupun kegiatan 'menangkap ikan' termasuk juga aktiviti memancing, menjala, membubu dan menahan pukat. Perikanan komersil membabitkan perikanan laut dalam dan penangkapan ikan secara pukat.

Di Malaysia, nelayan dibahagi kepada 2 kategori iaitu nelayan pantai dan nelayan laut dalam. Perbezaan kategori ini terletak pada jenis alat tangkapan dan jarak jauh kawasan tangkapan mereka dari pantai. Di negara-negara membangun seperti Asia Tenggara atau di Afrika, masih banyak nelayan yang menggunakan peralatan yang sederhana dalam menangkap ikan. Nelayan di negara-negara maju seperti Jepun biasanya menggunakan peralatan moden dan kapal yang besar yang dilengkapi teknologi canggih.

Zon	Batu Nautika
A	0-8 Batu
B	8-15 Batu
C	15 batu ke atas (berat bot bawah 70 tan)
C2	15 batu ke atas (berat bot lebih 70 tan)



Jadual 1 : Kategori perairan pantai



Berdasarkan statistik, seramai 6377 orang nelayan berdaftar dengan persatuan nelayan bagi tahun 2016 di seluruh negeri Perak. Daripada jumlah keseluruhan, 45.5% adalah nelayan kaum Melayu, 52.9% kaum Cina dan 1.6% kaum India. Menurut Jabatan Perikanan Negeri Perak, 98% nelayan laut dalam merupakan nelayan kaum Cina dan nelayan kaum Melayu kebanyakannya adalah nelayan pesisir pantai.

Penglibatan kaum Melayu dalam perikanan laut dalam dilihat amat diperlukan sebagai salah satu cara untuk meningkatkan taraf kehidupan dan ekonomi golongan nelayan seterusnya mewujudkan daya saing dalam industri tersebut. Justeru itu, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) mengambil inisiatif untuk melaksanakan projek Wakaf Bot di bawah dana Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR). Idea Wakaf Bot ini diilhamkan sendiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, YBhg. Dato' Dr. Amiruddin bin Muhamed.

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 208 pada 10 Mei 2016 telah memperaku dan bersetuju wakaf tersebut diserahkan kepada Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) yang bertindak sebagai pengurus projek dan dipantau oleh pihak MAIPK. Kaedah pengendalian Wakaf Bot hendaklah menepati kaedah asas berkaitan wakaf seperti:

- Tidak dijual, tidak dihadiahkan atau tidak diwarisi
- Pihak yang menyelia projek perlu mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh MAIPK
- Sewaan bot hendaklah diberikan kepada nelayan dan PNK yang berkemampuan, berkemahiran dan amanah bagi menjamin kelangsungan wakaf



Hasil daripada kajian, MAIPK mendapati keperluan setiap kawasan adalah berbeza. Namun, bot laut dalam terutamanya untuk digunakan di kawasan Zon B (8 – 15 Batu Nautika) amat diperlukan untuk membantu nelayan Melayu meningkatkan hasil tangkapan. Sehubungan dengan itu, bagi meningkatkan pendapatan nelayan Melayu, MAIPK akan menyediakan bot laut dalam berukuran 30 kaki x 8 kaki yang lengkap dengan kelengkapan dan peralatan yang diperlukan.

Bot-bot yang telah siap akan diserahkan kepada PNK yang dipilih yang akan menyewakan bot kepada nelayan (tekong) yang merupakan ahli persatuan dan mempunyai kemahiran mengendalikan bot. Sebahagian hasil sewaan akan digunakan untuk penyelenggaraan bot dan sebahagian lagi akan dijadikan dana modal pusingan untuk membina bot baru. MAIPK telah memilih PNK Manjung Selatan sebagai Pengurus Projek bagi projek Wakaf Bot pertama MAIPK.



## SEBAHAGIAN AKTIVITI SKUAD PRIHATIN ASNAF MAIPK



Sumbangan bantuan kewangan kepada sebuah keluarga gelandangan yang terputus belanja di Ipoh pada 07 Jun 2017.



Sumbangan bantuan kewangan kepada adik Rabiatul Izzati Jefre di Taman Maju Rapat pada 11 Julai 2017.



Sumbangan bantuan kewangan kepada Puan Sarinah Taj Mohd di Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh pada 31 Julai 2017.



Sumbangan bantuan kewangan kepada keluarga Puan Salbiah Shaari di Lenggong pada 07 Ogos 2017.



Sumbangan bantuan perubatan kepada Puan Rahmah Mt Dahari yang telah disumbangkan oleh Keluarga OBJ Hulu Perak di Kg. Lahar, Lenggong pada 15 Ogos 2017.



Sumbangan bantuan perubatan kepada Encik Jama Huri Samion di Kg. Sungai Tapah, Ipoh pada 15 Ogos 2017.



Sumbangan bantuan kewangan kepada keluarga Puan Arpah Mat Ali di Kg. Cik Zainal, Chemor pada 15 Ogos 2017.



Sumbangan bantuan kewangan kepada keluarga Encik Shahrun Sha'ari Kampung Titi Kasai, Batu Kurau pada 05 September 2017.



Sumbangan bantuan kewangan kepada keluarga Puan Rusnah Ibrahim di Kampung Berchah, Batu Kurau pada 05 September 2017.



## BERITA SANA SINI



KURSUS INTERPRETASI DAN BENGKEL PENYEDIAAN DOKUMENTASI ISO PADA 10 JULAI 2017



KUNJUNGAN HORMAT PELAJAR UNIVERSITI SULTAN AZLAN SHAH PADA 26 JULAI 2017



KURSUS FIQH ZAKAT DAN KAUNTER ZAKAT BERGERAK DI HOSPITAL ULU KINTA PADA 31 JULAI 2017



MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN USAHASAMA PENYELIDIKAN UNIVERSITI SULTAN AZLAN SHAH DAN MAIPk PADA 03 OGOS 2017



PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA CAWANGAN PERAK PADA 09 OGOS 2017



PROGRAM JEJAK PENIAGA DI KAMPAR DAN TANJUNG MALIM PADA 14 HINGGA 15 OGOS 2017



TAKLIMAT WAQAF PERAK AR – RIDZUAN DI IKM LUMUT, SERI MANJUNG PADA 15 OGOS 2017



PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN KOPERASI PERMODALAN PEMUDA PERAK BERHAD PADA 20 SEPTEMBER 2017



# Tunaiikan ZAKAT **ANDA** KEPADA

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK (MAIPK)

## Saluran Bayaran Kaunter Zakat :

18 kaunter cawangan seluruh negeri Perak | Amil Fitrah | Amil Harta | Amil Profesional Perunding Zakat  
Firma Akaun / Audit Bertauliah | Kaunter Pos Malaysia

## Kaedah-kaedah Pembayaran Online :



Billar Code : 9027  
Ref-1 : Nama Pembayar  
Ref-2 : Nombor Telefon

JomPAY (Bersama Biller Code)



FPX- Melalui Portal MAIPK  
[www.maiamp.gov.my](http://www.maiamp.gov.my)



MYEG



BANK Muamalat



PUBLIC Bank



AGRO Bank



AFFIN Bank



CIMB Bank



BANK Rakyat



RHB Bank



Maybank



Bank Islam Malaysia Berhad



Bank Simpanan Nasional



Ambank Islamic



Zakat Perak - MAIPK



zakatperakmaipk



Zakat Perak - MAIPK



[www.maiamp.gov.my](http://www.maiamp.gov.my)

**05-2084000**

UNTUK PERTANYAAN LANJUT SILA HUBUNGI